

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM ULANGTAHUN KE-44 FEI SAN MALAYSIA

TEMPAT: DEWAN NIRWANA, HOTEL HILTON

TARIKH: 10 MAR 1982

MASA:

Yang Berbahagia Datuk Lim Chong,
Presiden Fei san Malaysia;
Yang Berhormat Dato' Lee San Choon,
Presiden MCA dan Penasihat Fei San;
Ketua-Ketua Persatuan;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekeliam.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Fei San Malaysia kerana menjemput saya dan isteri saya ke majlis ini. Ini adalah kali kedua saya telah berpeluang menghadiri majlis makan malam ulangtahun Persatuan ini dan saya mengucapkan terima kasih di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk berucap sepatah dua kata pada malam ini.

2. Saya amat berbesar hati kerana dijemput ke majlis pada petang ini dan dapat bersama-sama dengan ramai pemimpin-pemimpin yang terkenal dan terkemuka daripada lebih dari 200 pertubuhan masyarakat Cina. Pertubuhan-pertubuhan ini sesungguhnya mempunyai peranan yang amat penting. Mereka telah membuat sumbangan yang berguna dalam masa 25 tahun semenjak kita mencapai kemerdekaan dan saya yakin bahawa dengan kepimpinan yang bertanggungjawab dan dedikasi tuan-tuan sekeliam akan dapat terus membuat sumbangan positif kepada komuniti, masyarakat keseluruhan dan negara.

3. Kita sekarang berada di ambang satu era baru di dalam pembangunan. Rakyat Malaysia golongan lama atau yang tua, termasuk mereka yang hadir di majlis ini, mungkin masih kukuh untuk menentukan masa depan yang terjamin untuk kita semua.

4. Pada masa itu kita bersetuju mengenai beberapa prinsip tertentu sebagai asas membina dan membangunkan negara dan bangsa kita. Prinsip-prinsip penting ini telah dirumuskan sebagai asas perlembagaan negara dan kemudiannya digunakan untuk menggubal Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru. Keutamaan kita ialah perpaduan dan kita telah bersetuju tentang alat bagi memupuk perpaduan iaitu melalui satu bahasa dan kebudayaan kebangsaan, di mana norma-norma dan nilai-nilai masyarakat peribumi menjadi asas cara hidup kebangsaan kita rakyat Malaysia. Tidak seperti banyak negara-negara lain di mana pengaruh kebudayaan asing dan kaum pendatang telah tidak diterima langsung, kita di

Malaysia amat bernasib baik kerana rakyat kita diberi jaminan kebebasan untuk mempelajari dan mengamalkan kepercayaan dan kebudayaan mereka masing-masing di dalam rangka dan had-had yang ditentukan oleh perlembagaan dan dasar-dasar negara.

5. Rakyat Malaysia yang mendapat peluang untuk melawat ke luar negeri akan dapat membanding betapa baiknya nasib rakyat negara ini. Saya yakin bahawa kita telah dapat membawa pembangunan, kestabilan dan kemakmuran, iaitu usaha-usaha untuk faedah rakyat semua kerana kita memberi nilai yang tinggi terhadap "sensitivities" masyarakat kita yang terdiri daripada berbilang kaum dan terhadap hasrat dan cita-cita kebangsaan.

6. Sebagai sebuah masyarakat berbilang kaum, kita tidak dapat mengelak daripada keraguan dan rasa tidak puashati di kalangan pihak-pihak tertentu terhadap pelaksanaan dasar-dasar negara. Pada hakikatnya tidak ada mana-mana negara pun di mana semua rakyatnya puashati dan tidak ada seorang pun yang merungut. Sesungguhnya sudah pasti akan segala-galanya. Rasa tidak puashati yang dilahirkan di sana sini di negara kita terhadap sesuatu isu tidak dapat dielakkan. Tetapi terdapat kecenderongan di kalangan setengah pihak yang ingin memutar-belit dan membesar-besarkan sesuatu isu dengan tujuan untuk mencetuskan "saikologi rusuhan" bagi menggerakkan rakyat atau sebahagian masyarakat untuk menentang Kerajaan. Saya harap semua rakyat yang bertanggungjawab di negara kita tidak akan menganggap segala-gala yang baik dan indah yang kita punyai dengan sewenang-wenang dan membiarkan diri kita diperalatkan oleh golongan-golongan yang sentiasa mencari peluang untuk memusnahkan potensi bagi mewujudkan dan menjamin masa depan yang "viable" bagi semua.

7. Pelaksanaan Kurikulum 3M merupakan satu contoh yang baik yang menunjukkan bagaimana sesuatu isu yang kecil mengenai pelaksanaan satu dasar yang telah dipersetujui oleh Kerajaan telah diputarbelitkan oleh setengah-setengah pihak yang bertujuan untuk membangkitkan sentimen perkauman dan persengketaan di kalangan rakyat. Malang sekali mereka yang kononnya juara-juara yang memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina telah menyalah tafsir dan menyelewengkan isu 3M ini hingga kepada satu tahap di mana penyokong-penyokong Kerajaan juga telah menjadi mangsa dan menjadi begitu emosional. Saya menyatakan ini malang sekali bukan kerana saya ingin melihat masyarakat Cina Malaysia harus menjadi pasif tetapi kerana saya berpendapat bahawa sebelum seseorang menjadikan sesuatu perkara sebagai satu isu ia hendaklah benar-benar memahami perkara itu dengan sejelas-jelasnya. Kita harus sedar bahawa dalam banyak perkara kita berhadapan dengan bahaya perselisihan kaum yang boleh menyekat pembangunan negara kita.

8. Saya ingin menyatakan di sini dengan setegas-tegasnya bahawa Kerajaan tidak mempunyai apa-apa tujuan untuk menukarkan ciri Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Perbekalan-perbekalan di dalam perlembagaan yang menjamin kebebasan penggunaan bahasa ibunda setiap kaum di negara ini akan sentiasa dihormati. Semenjak dahulu lagi akhbar-akhbar tempatan telah banyak menyentuh tentang Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961. Perbekalan Seksyen 21(2) ini adalah satu perbekalan yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menukar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil kepada Sekolah Rendah Kebangsaan apabila sesuatu permintaan dibuat. Saya pernah membuat penjelasan bahawa walaupun kuasa ini ada pada Kerajaan, bukanlah menjadi tujuan Kerajaan untuk menggunakan kuasa ini bagi menukarkan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan sekiranya rakyat tidak berkehendakkan demikian. Sesungguhnya dalam jangka masa 25 tahun yang lalu cuma terdapat satu kes sahaja di mana perbekalan ini telah digunakan untuk menukarkan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan. Ini telah dibuat berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh ibu bapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang berkenaan. Kerajaan dengan sendirinya tidak akan menyalahgunakan kuasa ini. Ini adalah jaminan yang dapat saya berikan bagi pihak kerajaan. Oleh itu saya harap bahawa dengan jaminan saya ini tidak akan timbul lagi apa-apa keraguan di dalam fikiran masyarakat Cina dan Tamil Malaysia bahawa perbekalan undang-undang ini akan digunakan dengan sewenang-wenangnya oleh Kerajaan. Saya harap tidak akan timbul lagi salah tafsiran, sama ada dengan sengaja atau tidak, yang memupuk perasaan cemas dan keliru mengenai sesuatu perkara yang seharusnya tidak menjadi isu apa-apa pun.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Salah satu tindakan yang diambil oleh Kerajaan baru ialah menarik balik pengharaman buku "The Malay Dilemma" karangan saya. Ini perlu dibuat kerana adalah penting bagi rakyat di negara ini untuk mengetahui apa yang terkandung di dalam buku itu dan tidak secara mendengar ulasan daripada orang lain yang tujuannya mungkin tidak sihat. Buku ini akan diterjemahkan ke dalam Bahasa Cina, Tamil dan Bahasa Malaysia bagi membolehkan sesiapa yang ingin membacanya berbuat demikian. Saya bukanlah bertujuan untuk mengiklankan buku saya ataupun mencari faedah kewangan. itu. Banyak daripada perkara-perkara yang saya sebutkan di dalam buku itu telah berubah pada hari ini. Setelah sepuluh tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan banyak perkara-perkara telah diperbetulkan. Setengah-setengah perkataan kesat yang digunakan di dalam buku itu mungkin tidak lagi berasas. Sesungguhnya perkataan-perkataan kesat yang digunakan dalam tahun 1969 dan 1970 oleh setiap orang tidak mempunyai tempat lagi sekarang.

10. Saya tidak menuntut maaf di atas apa yang telah saya tulis ketika itu sebagaimana juga saya tidak mengharap sesiapa jua menuntut maaf kerana apa yang mereka katakan terhadap saya dan mengenai isu-isu perkauman pada ketika itu. Tetapi adalah amat penting bagi kita untuk menyedari

tentang hakikat bagaimana hampirnya kita kepada kecelakaan dan kemusnahan dan bagaimana dengan limpah kurnia Tuhan kita telah dapat mengelak daripadanya. Kita tidak harus lupa peristiwa 1969 kerana ia adalah satu pengajaran kepada kita mengenai bahaya-bahaya keadaan tidak seimbang antara kaum dan tentang politik perkauman.

11. Sebagaimana saya pernah tegaskan kita sekarang berada di ambang satu era kejayaan dan pencapaian yang besar di dalam berbagai-bagai lapangan. Kita sedang melihat dan mempelajari daripada negara-negara yang maju di dalam bidang sains dan teknologi. Saya telah menegaskan bagaimana perlunya kita meniru aspek-aspek tertentu etika berkerja yang diamalkan oleh orang-orang Jepun dan Korea dan kita akan menghantarkan orang-orang kita untuk mendapat latihan di Republik Korea dan Negeri Jepun. Rakyat negara ini mestilah berusaha mempelajari bahasa-bahasa baru bagi keperluan ini dan adalah menjadi harapan dan hasrat saya bahawa setiap rakyat Malaysia akan menerima pendekatan baru terhadap pelajaran dan latihan secara positif supaya kita akan mendapat mengecap nikmat dan faedah pembangunan dan kemajuan dan bukannya diperalatkan oleh anasir-anasir perosak yang ingin membantut kemajuan dan memusnahkan perpaduan dan kestabilan yang ada pada kita.

12. Kita merupakan sebahagian daripada masyarakat antarabangsa dan pembangunan kita adalah menjadi sebahagian daripada pembangunan dunia keseluruhannya. Kita mestilah menerima apa yang baik daripada pengalaman-pengalaman orang lain dan membina satu masa depan bagi kita yang dapat kita nikmati dan banggakan.

Tuan-tuan dan puan-puan.

13. Pertubuhan-pertubuhan Cina telah memainkan peranan yang penting di dalam lapangan sosial dan ekonomi di negara kita Malaysia. Sekarang setelah kita berada di peringkat persediaan ke arah peringkat pembangunan yang pesat, adalah amat penting bagi tuan-tuan sekalian untuk bersiap sedia bagi memainkan peranan yang lebih besar.

"Racial-exclusiveness" pertubuhan-pertubuhan hendaklah dikurangkan secara beransur-ansur supaya setiap orang di dalam aktiviti-aktiviti yang sama dapat menyertainya. Ini bukan sahaja dapat membantu mengukuhkan ekonomi tetapi juga ia dapat memperbaiki harmoni antara kaum di negara ini. Dengan harmoni antara kaum yang meningkat usaha kita untuk mencapai kemakmuran yang lebih lagi akan dapat dipertingkatkan. Saya bukan memaksa pendapat saya ini diterima tetapi sekadar mengharapkan bahawa saudara-saudara akan menimbangkannya dengan teliti dan secara insaf.

14. Malaysia dapat dikatakan sebagai sebuah negara yang agak besar. Peluang-peluang adalah terbuka dengan luasnya bagi setiap orang. Mungkin saudara-saudara tidak dapat semua yang dicita-citakan tetapi saudara-saudara boleh mendapat sesuatu yang tidak jauh bezanya. Baru-baru ini seorang orang asing telah menulis sebuah nobel mengenai

Malaysia di mana, Meng, seorang budak Cina tidak mendapat tempat di Fakulti Perubatan di sebuah universiti. Ia telah ditawarkan tempat di Fakulti Sains. Mengikut buku itu Meng telah menjadi begitu marah dan telah memilih kehidupan sebagai seorang penjenayah. Ini adalah gambaran yang salah mengenai kaum Cina. Tentu sekali kekecewaan yang sedikit seperti yang diceritakan itu tidak akan menjadikan seorang Cina sebagai penjenayah. Kaum Cina merupakan satu kaum yang pragmatis. Mereka telah dapat menghadapi berbagai kesulitan dan berjaya mencapai kemakmuran dalam suasana yang lebih buruk. Mengatakan bahawa mereka akan menjadi pejenayah dengan semudah itu adalah satu penghinaan terhadap kaum Cina dan kebudayaan mereka.

15. Di Malaysia saudara-saudara mungkin mendapat apa yang saudara-saudara idamkan jika dibandingkan dengan keadaan di kebanyakan negara-negara lain. Tetapi sekiranya tidak, saudara-saudara harus berkelakuan seperti orang Cina, iaitu menyesuaikan diri dengan keadaan. Saya yakin saudara-saudara akan berjaya walaupun dalam keadaan yang kurang memuaskan. Sesungguhnya dengan suasana pembangunan perindustrian yang pesat saudara-saudara tidak mungkin tidak berjaya sebagaimana juga orang-orang lain. Apabila semua orang berjaya, Malaysia akan menjadi lebih makmur dan negara ini akan menjadi bumi bertuah yang tidak ada gantinya.

16. Kerajaan sekarang bercita-cita dan berhasrat untuk melaksanakan pemerintahan secara adil dan saksama. Segala apa yang dijamin di dalam Perlembagaan akan sentiasa dipatuhi dan dihormati. Di samping itu perjanjian "gentleman" yang dicapai oleh pengasas negara ini akan dihormati. Perlembagaan dan persefahaman asal di kalangan pemimpin-pemimpin berbagai-bagai kaum di Malaysia akan menjamin kestabilan dan keharmonian negara ini.

17. Sekarang terletaklah kepada rakyat untuk memberi sokongan kepada dasar-dasar yang digubal oleh Kerajaan. Pertubuhan-pertubuhan saudara-saudara sekalian pasti boleh memainkan peranan yang besar di dalam konteks ini. Pertubuhan-pertubuhan ini adalah berpengaruh dan dapat membuat hubungan dengan mudah sekali dengan masyarakat. Mereka harus membantu menerangkan kepada ahli-ahlinya dan rakyat umum, terutamanya masyarakat Cina mengenai sikap Kerajaan. Mereka harus faham tentang semangat persefahaman dan kerjasama yang menjadi daya penggerak bagi setiap kaum di negara ini dalam perjuangan mereka untuk mencapai kemerdekaan. Mereka tidak harus bertindak dengan emosi tanpa terlebih dahulu berhubung dengan Kerajaan atau sekurang-kurangnya dengan salah sebuah parti komponen Barisan Nasional sekiranya timbul sesuatu isu yang melibatkan mereka atau masyarakat Cina. Mereka harus melakukan ini semua bukan hanya kerana mereka sendiri dapat menikmati kehidupan di dalam negara yang ditadbir dengan baik tetapi kerana mereka adalah rakyat Malaysia dan sebagai rakyat Malaysia mereka harus berbangga dengan kestabilan, kemakmuran dan kebaikan negara mereka.

18. Akhir kata izinkanlah saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada saudara-saudara sekelian kerana telah menjemput saya dan isteri saya ke majlis ini. Kami berdua mengucapkan selamat maju jaya kepada saudara-saudara dan pertubuhan-pertubuhan saudara-saudara sekelian.
Terima kasih.